

HUBUNGKAIT NILAI WARISAN DENGAN KEHADIRAN PELANCONG

KAJIAN KES: MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

NURUL A'IDAH BINTI MOHD ABD BASIT

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

DENGAN KEPUJIAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

2023

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**HUBUNGKAIT NILAI WARISAN DENGAN KEHADIRAN PELANCONG
KAJIAN KES: MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG**

Disediakan Oleh

Nurul A'idah Binti Mohd Abd Basit

Laporan projek akhir ini dikemukakan sebagai syarat dalam memenuhi
penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

2023

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.


TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)


SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____


SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*


TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

AIDAH

NURUL A'IDAH BINTI MOHD ABD BASIT

ENCIK SAHRUDIN BIN MOHAMED SOM

Tarikh: 16/2/2023

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat illahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya dapatlah saya menyelesaikan Laporan Projek Akhir Kod CFT4134 dengan jayanya bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian dalam masa yang ditetapkan. Selain itu, saya juga bersyukur kerana dapat menyelesaikan semua masalah kajian dengan jayanya.

Pertama kali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada En. Sahrudin Bin Mohamed Som selaku penyelia kerana memberi peluang kepada saya untuk menyiapkan laporan akhir ini dengan memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada saya dan memberi beberapa bahan rujukan untuk kepada saya dari awal lagi sejak projek ini diedarkan sehinggalah dalam proses menyiapkannya. Selain itu juga, saya berterima kasih kepada En. Sahrudin kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan kajian ini sehingga selesai.

Selain itu, tidak lupa juga pada ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan seperjuangan yang dikasihi kerana tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan kepada saya sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan di Kelantan ataupun di Pahang. Tanpa sokongan dan dorongan dari kalian saya mungkin tidak dapat menyipakan tugas ini dengan baik. Sekalung budi dan penghagaan juga kepada pihak unit penyelidikan Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang kerana memberi kerjasama kepada saya untuk menyelesaikan penyelidikan ini.

Nurul Aidah Binti Mohd Abd basit
C19A0624 (Universiti Malaysia Kelantan)

ISI KANDUNGAN

PERAKUAN TESIS

PENGHARGAAN

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK

ABSTRAC

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan.....	1
1.2	Latar Belakang Kajian.....	2
1.3	Permasalahan Kajian.....	4
1.4	Persoalan Kajian.....	5
1.5	Objektif Kajian.....	6
1.6	Skop Kajian.....	6
1.7	Kepentingan Kajian.....	7
1.8	Kesimpulan.....	8

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan.....	9
2.2	Sorotan Kajian Lepas	
2.2.1	Pelancongan.....	9
2.2.2	Warisan.....	10
2.2.3	Pelancongan Warisan.....	12
2.2.4	Bangunan Bersejarah.....	14
2.2.5	Pelancongan Di Negeri Pahang.....	16
2.2.6	Muzium Sultan Abu Bakar.....	17
2.3	Kerangka Teori	
2.3.1	Teori Pelancongan.....	20

2.4	Kesimpulan.....	21
-----	-----------------	----

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan.....	22
3.2	Rekabentuk Kajian	23
3.3	Kaedah Kuantitatif.....	24
3.4	Pengumpulan Data.....	25
3.4.1	Data Primer.....	25
3.4.2	Data Sekunder	26
3.5	Kaedah Analisis Data.....	26
3.6	Instrumen Kajian.....	27
3.7	Kesimpulan.....	29

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan.....	30
4.2	Sejarah perkembangan Muzium Sultan Abu Bakar Dari Istana Kepada Muzium.....	31
4.3	Ciri-ciri Rekabentuk Dan Estetika Muzium Sultan Abu Bakar.....	40
4.4	Hubungkait Nilai Kepentingan Warisan Dengan Kehadiran Pelancong Melalui Empat Komponen Teras Destinasi Pelancong.....	47
4.4.1	Analisis Latar Belakang Responden	47
4.4.2	Persepsi Pengunjung Dalam Empat Komponen Teras Destinasi Pelancong.....	51
4.4.5	Mengenalpasti Elemen Warisan Sebagai Daya Tarikan Pelancong Ke Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang.....	55

BAB 5 CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	57
5.2	Kesimpulan.....	57
5.3	Cadangan	61

5.4	Penutup.....	62
-----	--------------	----

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar.....	3
Rajah 2.1	Peta semenanjung Malaysia.....	16
Rajah 2.2	Peta kedudukan Muzium Sultan Abu Bakar.....	17
Rajah 2.3	Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar.....	18
Rajah 3.1	Carta Alir Metodologi Kajian.....	23
Rajah 4.1	Bangunan utama Muzium Sultan Abu Bakar pada tahun 1950an	32
Rajah 4.2	Pelan tapak Muzium Sultan Abu Bakar.....	36
Rajah 4.3	Bangunan gaya Neo Klasikal, Eropah.....	40
Rajah 4.4	Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar.....	40
Rajah 4.5	Lukisan terukur Muzium Sultan Abu Bakar.....	42
Rajah 4.6	Genting Marseilles pada bumbung Muzium.....	42
Rajah 4.7	Tangga Kayu dan tangga batu Muzium Sultan Abu Bakar	43
Rajah 4.8	Tingkap dan pintu kayu di Muzium.....	44
Rajah 4.9	Pelan lantai tingkat satu Muzium Sultan Abu Bakar.....	45
Rajah 4.10	Pelan lantai tingkat dua Muzium Sultan Abu Bakar.....	45
Rajah 4.12	Carta taburan responden mengikut kategori	46
Rajah 4.13	Carta taburan responden mengikut umur.....	47
Rajah 4.14	Carta taburan responden mengikut jantina.....	48
Rajah 4.15	Carta taburan responden mengikut bangsa.....	49
Rajah 4.16	Graf taburan responden bagi elemen tarikan	50
Rajah 4.17	Graf taburan responden bagi elemen aktiviti.....	51

Rajah 4.18	Graf taburan responden bagi elemen kemudahsampaian	52
Rajah 4.19	Graf taburan responden bagi eleme kemudahan	53
Rajah 4.20	Graf taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan	55

SENARAI JADUAL

Jadual 1	Jadual kaedah kajian	27
Jadual 2	Ringkasan sejarah perkembangan Muzium Sultan Abu Bakar	32
	Taburan responden mengikut kategori	46
Jadual 3	Taburan responden mengikut kategori	47
Jadual 4	Taburan responden mengikut umur	48
Jadual 5	Taburan responden mengikut jantina	49
Jadual 6	Taburan responden mengikut bangsa	50
Jadual 7	Taburan responden bagi elemen tarikan	51
Jadual 8	Taburan responden bagi elemen aktiviti	52
Jadual 9	Taburan responden bagi elemen kemudahsampaian	53
Jadual 10	Taburan responden bagi elemen kemudahan	54
Jadual 11	Taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan ...	55

RUJUKAN	62
----------------------	----

HUBUNGKAIT NILAI WARISAN DENGAN KEHADIRAN PELANCONG KAJIAN KES: MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

ABSTRAK

Dalam kajian ini, tajuk yang dipilih oleh pengkaji adalah Hubungkait Nilai Warisan Dengan Kehadiran Pelancong Kajian Kes: Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang. Kajian ini menyatakan berkaitan nilai-nilai warisan yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar seperti sejarah dan juga rekabentuk senibina yang terdapat di Muzium. Pada awalnya bangunan ini dibina pada tahun 1889 dan dijadikan kediaman Residen British pertama di Pahang pada ketika itu manakala seni bina Muzium Sultan Abu Bakar ini juga menunjukkan ciri-ciri rekabentuk Neo klasikal eropah. Selain itu penyelidikan ini adalah untuk mengukur persepsi pengunjung apabila melawati ke Muzium dengan menggunakan komponen teras destinasi pelancong M. Mahadi (2016). Penyelidikan ini juga menceritakan sejauh mana elemen-elemen nilai warisan mampu menarik pengunjung untuk mengunjungi Muzium Sultan Abu Bakar.

Kata kunci: *Muzium, Bangunan Bersejarah, Nilai Warisan, Pelancongan Warisan*

ABSTRACT

In this study, the title chosen by the researcher is Linking Heritage Value with the Presence of Tourists Case Study: Sultan Abu Bakar Museum, Pahang. This study states related to the heritage values found in the Sultan Abu Bakar Museum such as the history and also the architectural design found in the Museum. Initially this building was built in 1889 and became the residence of the first British Resident in Pahang at the time while the architectural of the Sultan Abu Bakar Museum also show the characteristic of European Neo-Classical design. In addition, this research is to measure the perception of visitors when visiting the Museum by using the core components of the tourists destination M. Mahadi (2016). This research also tells the extent to which elements of heritage value are able to attract visitors to visit the Sultan Abu Bakar Museum.

Keywords: *Museum, Historical Building, Heritage Value, Heritage Tourism*

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Berdasarkan kajian dalam peringkat sarjana muda ini, tajuk yang dipilih oleh pengkaji ialah Hubungkait Nilai Warisan Dengan Kehadiran Pelancong Kajian Kes: Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang. Sebagai seorang pelajar yang mengambil jurusan Pengajian Warisan, pengkaji berkenan untuk memilih tajuk ini sebagai menambah lagi pengetahuan berkaitan jurusan ini.

Pemilihan tajuk ini diambil adalah untuk mengenalpasti sejauh mana bernilainya sesebuah bangunan bersejarah itu dalam kalangan masyarakat atau pelancong. Ini kerana sesebuah bangunan bersejarah di Malaysia yang telah dibina sejak dahulu pasti mempunyai nilai warisanya yang tersendiri dan ianya didapati dari pelbagai aspek seperti sejarah, pengaruh rekabentuk dan juga kebudayaanya.

Kajian ini juga adalah untuk mengukur persepsi pelancong terhadap pelancongan warisan yang dijalankan di Muzium Sultan Abu Bakar mahupun di Muzium lain yang terdapat di Malaysia. Ianya berkaitan kepuasan pelancong apabila berkunjung ke sesebuah bangunan warisan yang mana pelancong pasti mempunyai tujuan yang tersendiri seperti ingin melihat keunikan senibina atau artifak-artifak yang dipamerkan di Muzium. Sekaligus dapat mendedahkan mengenai pelancongan warisan dalam kalangan masyarakat kerana pelancongan warisan ini semakin lama semakin dilupakan.

Bahagian pertama ini, pengkaji akan menerangkan mengenai latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Muzium merupakan satu bangunan bersejarah yang mana ia juga adalah sebuah bangunan warisan yang telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Muzium sultan Abu Bakar, Pahang merupakan antara bangunan bersejarah yang paling tersohor yang terletak di Bandar Diraja Pekan, Pahang. Ia merupakan bangunan yang telah mencatat banyak sejarah yang perlu dipelihara dan dihayati terutama oleh generasi pada masa akan datang dan juga seni bina yang mempunyai pengaruh daripada British. Sejarah bangunan ini wujud dari era Residen British di Negeri Pahang lagi sehingga ia menjadi sebuah istana tempat bersemayam Sultan Pahang IV dan tidak lama kemudian bangunan ini bertukar fungsi menjadi sebuah muzium.

Disebabkan Muzium ini sering bertukar rekabentuk dan juga fungsinya, maka banyak perubahan yang dilakukan terhadap Muzium ini yang mana dari segi rekabentuk asalnya ia diperbuat daripada kayu dan telah ditukarkan kepada bangunan batu. Banyak keunikan dari segi seni bina dan rekabentuknya. Tidak lupa juga akan sejarah dan fungsi Muzium ini sejak dari awal pembinaan hingga kini.

Pelancongan warisan adalah salah satu aktiviti yang bertujuan untuk melihat khazanah-khazanah warisan yang telah diwarisi sejak dahulu lagi. Terdapat pelbagai sebab dan tujuan bagi setiap pengunjung yang datang

berkunjung ke muzium, maka kajian ini dilakukan untuk mengetahui sejauh mana kekuatan fungsi atau nilai warisan keatas sesebuah bangunan warisan itu mejadi satu tarikan untuk pengunjung datang berkunjung ke muzium.



Rajah 1.1: Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: flickr Ajai Arif (Muzium Sultan Abu Bakar)

Bangunan ini pada asalnya menjadi sebuah rumah khas sebagai penempatan Residen British yang pertama di pahang pada ketika itu dan ia mendiami bangunan tersebut sehingga tahun 1898. Semasa perang dunia kedua, bangunan ini telah dijadiukan sebagai markas pentadbiran. Sebaik saja perang tamat, bangunan ini terus ditinggalkan begitu sahaja sehingga tahun 1948. Bangunan ini dengan rasminya diambil oleh Almarhum Sultan Abu Bakar untuk dijadikan istana rasminya. Ketika bangunan ini menjadi kediaman Sultan Abu Bakar, ia dinamakan sebagai Istana Kota Beram dan pada 17 Mac 1976, Pejabat Lembaga Muzium telah dipindahkan dari Pejabat Setiasusaha Kerajaan Negeri ke Istana Kota Beram. Setelah dijadikan Muzium banyak

pengubahsuaian yang dilakukan melalui aktiviti konservasi terutama di bahagian dalam galeri-galeri pameran.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

i) Kekurangan maklumat berkaitan senibina (pendokumentasian)

Berdasarkan penyelidikan dan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji daripada semua sudut berkaitan Muzium Sultan Abu Bakar, pengkaji telah mengenalpasti kebanyakan penulis sebelum ini hanya menyentuh isu yang berkaitan koleksi, sejarah dan latar belakang bangunan ini. Setelah diteliti dengan baik, pengkaji mendapati antara permasalahan yang perlu ditekankan adalah dari segi senibina bangunan ini yang mana senbinanya dan sejauh manakah senibina bangunan warisan ini boleh menjadi tarikan pelancong untuk datang berkunjung ke Muzium.

ii) Kurang pendedahan mengenai Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang

Kurangnya pendedahan mengenai Muzium Sultan Abu Bakar terutama dalam generasi muda yang mana mereka lebih sukan megunjungi tempat-tempat hiburan yang lebih berunsurkan kepada barat seperti pusat membeli belah dan sebagainya.

iii) Kurang pengetahuan berkaitan pelancongan berasaskan warisan

Di dalam kalangan masyarakat, mereka kurang untuk mengambil tahu tentang pelancongan warisan. Bagi pengetahuan mereka, bangunan

bersejarah ini hanya terhad pada sejarah kewujudanya sahaja. Sedangkan banyak factor lain yang menjadikan sesuatu bangunan bersejarah itu sebagai pelancongan warisan dalam aktiviti pelancongan semasa.

Kepentingan dalam pemuliharaan bangunan ini juga seharusnya dititikberatkan agar menjadi satu cabang pengetahuan bagi generasi akan datang. Seterusnya bagi proses dalam pemuliharaan juga dilakukan dengan baik bagi mengelakkan terus berlakunya kerosakan pada bangunan. selain itu, pelancongan yang berlaku di Muzium Sultan Abu Bakar ini juga memberikan kesan yang positif terhadap masyarakat tempatan.

Dengan adanya pengkaji yang melakukan penyelidikan ke atas bangunan ini dari perspektif yang lain dari biasa, ia sedikit sebanyak dapat memberikan pendedahan sebagai pengetahuan yang harus dihayati kepada masyarakat terutama generasi akan datang dan secara tidak langsung dapat membuka mata serta minda betapa pentingnya untuk menghayati dan memelihara warisan yang sedia ada ini.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Pengkaji telah menyenaraikan tiga persoalan kajian yang terdapat daripada kajian ini. Antara persoalannya adalah:

- i) Apakah nilai warisan yang terdapat pada Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang?
- ii) Apakah persepsi pengunjung berkaitan pelancongan ke atas Muzium Sultan Abu Bakar?

- iii) Benarkah elemen warisan mampu menjadi satu daya tarikan utama pengunjung untuk datang berkunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar?

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mempunyai tiga objektif yang mana ia menjawab permasalahan yang terdapat di dalam kajian ini.

- i) Mengetahui nilai warisan terhadap Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang
- ii) Mengukur persepsi pengunjung keatas Muzium Sultan Abu Bakar sebagai destinasi pelancongan warisan.
- iii) Mengenalpasti elemen warisan sebagai daya tarikan pengunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang.

1.6 SKOP KAJIAN

Pengkaji telah memilih skop kajian untuk kajian ini yang mana skop ini mempunyai tiga bahagian iaitu nilai warisan yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar, tanggapan pengunjung berkaitan pelancongan warisan ke atas Muzium Sultan Abu Bakar dan juga elemen warisan sebagai daya tarikan. Walaubagaimanapun fokus kajian ini adalah berdasarkan daya tarikan atau tujuan pengunjung untuk mengunjungi bangunan muzium yang mana ia berkaitan sejarah senibina dan juga rekabentuk bangunan itu sendiri dan aktiviti pemuliharaan yang dijalankan ke atas muzium. Selain itu kajian juga menumpukan tentang tanggapan pengunjung berkaitan pelancongan warisan yang dikaitkan dengan bangunan warisan. Dalam pada itu ia juga

berkaitan tentang tanggapan masyarakat dalam mengenalpasti kepentingan pelancongan warisan ini terutama pada bangunan warisan.

1.7 KEPENTINGAN KAJIAN

Pengkaji melakukan kajian ini adalah untuk menerangkan dengan lebih lanjut lagi mengenai sejarah, rekabentuk dan pandangan masyarakat berkaitan pelancongan berasaskan warisan ini. Di atas kepentingan nilai warisan dan juga persepsi pengunjung terhadap bangunan bersejarah ini juga yang mana ianya dapat menimbulkan pbagai perspektif pandangan pengunjung dan para penyelidik terhadap bangunan ini. Kajian ini juga dilakukan kerana bangunan ini mempunyai kepentingan yang tersendiri dan turut memberi impak kepada individu, masyarakat serta warisan negara.

Antara kepentingan kajian yang dilakukan ini adalah untuk mengetahui tentang perkembangan sejarah Muzium Sultan Abu Bakar ini yang mana ia juga merupakan salah satu konteks nilai warisan yang seharusnya diketahui. Ini kerana kebanyakan masyarakat tidak tahu berkaitan sejarah atau latar belakang sesebuah bangunan bersejarah itu dan datang ke Muzium hanya untuk berkunjung semata-mata. Kajian ini juga akan memudahkan urusan pencarian maklumat berkaitan bangunan bersejarah ini.

Selain itu kepentingan lain nya pula adalah untuk mengenalpasti pendapat atau tanggapan pengunjung atau pun masyarakat setempat berkaitan pelancongan ke Muzium Sultan Abu Bakar mahupun ke Muzium lain yang ada di Malaysia ini. Ini kerana ianya penting untuk mendedahkan kepada

masyarakat betapa pentingnya sesebuah bangunan bersejarah itu untuk dijadikan tatapan akan datang.

1.8 KESIMPULAN

Pengkaji telah menyenaraikan beberapa aspek penting dalam kajian yang akan diketengahkan sepanjang kajian yang dijalankan berkaitan Muzium Sultan Abu Bakar. Kajian ini dijalankan berdasarkan objektif yang telah disenaraikan berkaitan pelancongan di Negeri Pahang di dalam konteks pelancongan yang mana pelancongan ke bangunan bersejarah ini amat penting bagi mengekalkan warisan sebagai salah satu cabang ilmu yang harus dihayati.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Berdasarkan kajian pada bab 1 berkaitan latar belakang kajian, objektif dan dapatan kajian. Terdapat beberapa sorotan kajian yang telah diperolehi melalui penyelidikan berkaitan hubungkait nilai warisan dengan kehadiran pelancong ke Muzium Sultan Abu Bakar. Bagi memudahkan pengkaji untuk melakukan kajian, bahagian ini dipilih untuk membincangkan mengenai sorotan kajian lepas yang berkaitan dengan kajian ini. Bab ini di bahagikan kepada beberapa bahagian iaitu, pelancongan, warisan, pelancongan warisan, pelancongan warisan Negeri Pahang, kelestarian terhadap pelancongan warisan dan bangunan Muzium Sultan Abu Bakar sebagai tempat tarikan pelancong. Hasil kajian ini diperolehi melalui beberapa rujukan artikel oleh pengkaji-pengkaji terdahulu yang telah menjalankan penyelidikan berkaitan tajuk ini.

2.2 SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.2.1 PELANCONGAN

Pelancongan adalah antara kegiatan ekonomi dan sosial yang semakin hari semakin penting dalam lingkungan dunia hari ini. Banyak negara di dunia kini menjadikan pelancongan sebagai salah satu sektor utama yang banyak menjana pendapatan negara. Pelancongan juga merupakan salah satu sektor

yang melibatkan banyak pihak yang mana ia memainkan peranan masing-masing.

Mohamad Zaki Ahmad (2008) mendefinisikan pelancongan adalah salah satu industri terbesar dunia yang mana ia merupakan gabungan beberapa sektor penting yang lain seperti perkhidmatan pengangkutan, penginapan dan lain-lain. Di dalam penulisan beliau juga menyatakan dengan datangnya pelancong antarabangsa ia telah menunjukkan satu peningkatan pada tahun-tahun yang tertentu yang mana ia telah mencatatkan pertumbuhan yang amat memberangsangkan bagi perkembangan dunia yang lebih optimistik.

Ramli (2015) Pada masa kini telah dilihat perusahaan pelancongan sebagai satu perusahaan yang amat penting untuk menjana pendapatan sesebuah negara. Antara laporan yang telah dinyatakan oleh The World Travel and Tourism Council (WTTC) pada tahun 2013 bersama rakan strategik mereka iaitu Oxford Economics, Travel and Tourism's yang mana peratusan yang tinggi daripada GDP dunia telah disumbangkan oleh industri pelancongan. Malaysia juga antara negara yang menyimpan pelbagai keunikan dan keindahan warisan yang telah memberi kesan terhadap beberapa sektor pelancongan seperti pelancongan kebudayaan dan warisan yang mana ia berpotensi untuk dimajukan sebagai industri terbesar dalam negara.

2.2.2 WARISAN

Setiap negeri memiliki budaya dan warisanya yang tersendiri yang mana ia mampu menarik para pelancong untuk datang melancong ke negeri tersebut dan secara tidak langsung ia juga dapat meningkatkan taraf ekonomi negara.

Hal ini juga akan membuatkan para pelancong lebih tertarik terutama pada tempat-tempat yang mempunyai cerita sejarah yang telah tersebar luas.

WHC (1996) menyatakan dalam satu penulisan bahawa warisan adalah tinggalan zaman dahulu yang masih lagi diamalkan pada zaman kini dan ia akan diturunkan kepada generasi akan datang. Warisan ini juga sepatutnya menjadi satu inspirasi dalam kehidupan masyarakat yang mana ia tidak akan dapat ditukarganti sebagaimana yang telah dinyatakan adalah “warisan merupakan asas rujukan, tanda aras dan identiti kita”.

Menurut Ahmad & Ibrahim (2014) juga warisan banyak memainkan peranan penting dalam kehidupan. Walaupun kepentingan tersebut tidak lah sehebat antara seorang individu dengan individu yang lain tetapi ianya memberi kesan yang mendalam bagi kehidupan manusia zaman kini dan masa akan datang. Beliau juga

menyatakan bahawa terdapat banyak tapak warisan yang mempunyai nilai sejagat yang mana ia telah diberi pengiktirafan melalui proses-proses pencalonan dan pemilihan dan juga bagi negara-negara yang tertentu, ia bergantung kepada nilai-nilai warisan kebangsaan yang telah dimiliki. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kesedaran kepada pelancong terhadap amalan-amalan dan nilai warisan sekaligus dapat menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan terhadap warisan ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut Nuryanti (1996) Warisan dalam konteks yang luas bermaksud “sesuatu yang dipindahkan dari satu generasi ke satu generasi yang lain”. Perkataan warisan juga turut mengandungi unsur-unsur kebudayaan dan semulajadi. Menurut beliau lagi, warisan mempunyai dua bentuk iaitu material

dan bukan material seperti bangunan, monumen, peninggalan sejarah dan artifak dan kedua-duanya juga merupakan salah satu koteks kebudayaan.

2.2.3 PELANCONGAN WARISAN

Mohamad Zaki Ahmad (2008) Warisan pula telah menjadi semakin penting kepada ekonomi pelancongan zaman kini. Kebanyakan tempat di seluruh dunia, warisan dikategorikan sebagai salah satu faktor utama dalam pembangunan pelancongan. Pada masa kini, dapat dilihat bahawa aktiviti melancong ke destinasi yang berasaskan warisan semakin berkembang pesat. Kebanyakan tempat yang menjadi tarikan utama pelancongan adalah merupakan tempat-tempat atau bandar- bandar warisan yang telah tersenarai sebagai warisan dunia dan merupakan destinasi warisan yang sukar didapati di tempat lain yang mana boleh dinikmati keindahannya oleh pelancong sendiri.

Razak (2006) secara umumnya telah mendefinisikan bahawa pelancongan berasaskan warisan ini merupakan salah satu corak pelancongan yang bertujuan untuk memperlihatkan segala khazanah warisan yang telah diwarisi daripada zaman dahulu lagi seperti sejarah, kesenian, kebudayaan, artifak , alam semulajadi dan lain-lain. Swarbrooke (1994) juga menakrifkan bahawa pelancongan yang berasaskan warisan ini merupakan tunjang utama bagi produk yang ditawarkan dan warisan pula adalah salah satu faktor utama kepada pelancong atau pelawat untuk datang ke tempat-tempat yang mempunyai sejarah atau nilai warisan yang tersendiri.

Ibrahim & Ahmad (2014) menerusi penulisanya yang berkaitan pelancongan warisan dalam pemuliharaan “Khazanah” Negara secara

menyeluruh. Di dalam penulisanya, beliau menyentuh berkaitan pelancongan warisan secara umum yang mana pelancongan warisan itu sendiri telah dijadikan sebagai satu matlamat penting yang berteraskan antarabangsa yang akan menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan warisan ke peringkat yang lebih tinggi. Penulisan beliau juga menerangkan tentang impak industri pelancongan warisan ini dalam pelbagai faktor apa yang di huraikan beliau adalah berkaitan pemuliharaan khazanah negara untuk dijadikan sebagai sumber dan inspirasi dalam kehidupan.

Samsudin (2013) lebih menumpukan sejarah sebagai produk pelancongan warisan sebagai tajuk utama kajian beliau. Dalam penulisan beliau, banyak berkaitan tinggalan sejarah bangunan atau monumen yang berunsurkan warisan. Selain itu beliau juga telah menerangkan pelancongan warisan itu berasal dari warisan yang ditinggalkan berkaitan dengan sesebuah bandar, atau reka bentuk sesebuah bangunan. Di dalam penulisan ini juga, beliau menceritakan dengan terperinci berkaitan usaha dalam mengekalkan tempat-tempat bersejarah dan juga monumen-monumen yang berkaitan warisan. Demikian itu juga, beliau menyatakan bahawa pelancongan warisan ini boleh menjadi faktor utama dalam menjana pendapatan ekonomi sesebuah negara dan sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan atau masyarakat untuk mempelbagaikan punca dapatan sebagai peningkatan taraf ekonomi dan tidak hanya terhad pada satu industri semata-mata.

Menurut Mahadi, Murni Anita (2016) pelancongan warisan merupakan antara aktiviti yang memperolehi banyak pengalaman yang mana prngunjung itu akan dapat melihat sendiri secara langsung sesuatu aktiviti pelancongan atau artifak yang terdapat di destinasi yang dituju. Selain itu beliau juga

menyatakan komponen teras destinasi pelancong yang terdapat dalam pelancongan warisan yang mana ia terdiri daripada lima elemen iaitu elemen tarikan (Attractions), elemen aktiviti (Activities), elemen kemudahan (Accessibility), elemen kemudahan (Amenties) dan elemen penginapan (Accommodation).

2.2.4 BANGUNAN BERSEJARAH

JWN (2009) telah menakrifkan bahawa bangunan bersejarah sebagai satu bangunan yang mempunyai pelbagai jenis senibina yang mana senibinanya mempunyai nilai sejagat dari pelbagai perspektif iaitu sejarah, seni dan sains. Mengikut Jabatan Warisan Negara juga, bangunan yang telah digunakan selama 100 tahun usianya ia seharusnya dipanggil sebagai bangunan bersejarah. Sesebuah bangunan juga layak digelar bangunan bersejarah jika ia mempunyai senibina yang estetik, sejarah, dokumentari, sosial dan sebagainya.

Syed Ahmad Iskandar (2005) menyatakan di dalam penulisan beliau bahawa benda bersejarah, monumen atau tapak sejarah merupakan bangunan warisan peninggalan zaman dahulu yang mana ia mempunyai kepentingan untuk perkembangan sejarah dan sebagai ilmu pengetahuan. Beliau juga berpendapat bahawa bangunan bersejarah ini seharusnya dipelihara dan dipulihara untuk memberi kesedaran dan memupuk jati diri juga kepentingan nasional bangsa.

Fielden, B. M. (2000) dalam penulisan beliau menyatakan bahawa bangunan warisan merupakan sebuah binaan yang mampu membuat kira

merasa takjub dan membuatkan seseorang itu ingin mengetahui lebih lagi berkaitan sejarah atau keunikan binaan sesuatu bangunan warisan. Sekiranya sesebuah bangunan warisan itu mempunyai banyak keunikan dari pelbagai aspek seperti senibina yang estetik ataupun dokumentari yang dihasilkan oleh para arkeologi, ia seharusnya digelar sebagai bangunan warisan.

i) Pemuliharaan Bangunan Bersejarah

Akta Warisan Kebangsaan (2005) mendefinisikan pemuliharaan bangunan warisan merupakan suatu aktiviti yang melibatkan proses membaik pulih keseluruhan bangunan warisan yang mana ia bertujuan untuk kegunaan moden zaman kini.

Sesebuah bangunan warisan itu dapat digunakan dalam jangka masa yang lama jika ia dapat dipulihara dengan menggunakan kaedah yang terbaik (Chandler 1991). Bagi pendapat (Nurwati Ahmad 2001) untuk menjaga atau memelihara khazanah negara seperti warisan senibina sesebuah bangunan bersejarah itu,

hendaklah dilakukan kerja-kerja pengekalan dan penjagaan dengan lebih teratur dan sistematik.

ii) kepentingan pemuliharaan Bangunan Bersejarah

seperti yang dijelaskan dalam akta benda purba 1976 bahawa pentingnya untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan keatas monumen-monumen lama atau tapak-tapak bersejarah supaya ia akan menjadi satu

sumber maklumat berkaitan sejarah untuk mengenalpasti identiti budaya zaman dahulu. Sumber-sumber maklumat yang didapati ia amat diperlukan bagi pengkaji-pengkaji yang membuat kajian berkaitan sesebuah bangunan atau monumen untuk mengetahui nilai atau keunikan senibina yang terdapat pada bangunan tersebut.

2.2.5 PELANCONGAN DI NEGERI PAHANG

Negeri Pahang merupakan negeri yang terbesar di semenanjung Tanah Melayu yang mana ia terletak bersempadan dengan Negeri Kelantan di sebelah Utara, Negeri Perak, Selangor serta Negeri Sembilan di Barat, Negeri Johor di selatan dan Negeri Terengganu serta Laut China Selatan di bahagian Timur.



Rajah 2.1: Peta Semenanjung Malaysia

Sumber: Portal Diraja Pahang (2016)

Negeri Pahang mempunyai kawasan seluas 35,965 kilometer persegi yang merangkumi 11 buah daerah pentadbiran iaitu Pekan, Kuantan, Rompin, Maran, Bera, Jerantut, Temerloh, Raub, Bentong, Lipis dan Cameron Highland.

Pekan bandar Diraja merupakan sebuah daerah yang terkenal kerana ia telah wujud sejak abad ke 17 dikatakan bahawa bandar Pekan mempunyai banyak kisah yang tersendiri menurut kisah nenek moyang terdahulu, Pekan mendapat nama daripada sejenis bunga iaitu Bunga Pekan yang didapati telah tumbuh dengan banyak di kawasan tebing Sungai Pahang. Warna putih yang terdapat pada bunga ini mirip seperti bunga Melor namun malangnya spesis ini telah pupus dan tidak boleh diperkenalkan kepada generasi zaman kini. Di bandar ini juga terdapat satu kampung yang bernama Kampung Mengkasar yang mana ia berhampiran dengan Sungai Pekan namun tiada kenyataan yang tepat menyatakan bahawa nama pekan berasal dari sungai tersebut. Pekan merupakan sebuah daerah yang berdekatan dengan Laut China Selatan dan tebing Selatan sungai Pahang dengan memiliki jarak hanya 50km.

2.2.6 MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

Lokasi muzium Pekan atau lebih dikenali sebagai Muzium Sultan Abu Bakar ini terletak di Jalan Sultan Ahmad, Pekan, Pahang. Ianya merupakan salah satu bangunan yang menjadi tarikan pelancong di Pekan.

Secara keseluruhannya, rekabentuk senibina yang terdapat pada Muzium Sultan Abu Bakar ini mempunyai dua sistem binaan yang telah digabungkan iaitu Sistem Dinding Tanggungan dan juga sistem Tiang dan Alang. Kebiasaan sebelum wujudnya teknologi konkrit bercerucuk, sistem binaan dinding yang

biasa digunakan adalah Sistem Dinding Tanggung Beban dan sistem ini juga digunakan pada bahagian utama bangunan Muzium yang mana binaan dindingnya mempunyai ketebalan daripada 12" hingga 14" dengan menggunakan ikatan batu bata yang telah dilepa. Bagi Sistem Alang dan Tiang pula ia banyak digunakan dengan tujuan untuk menyokong bahagian verendah dan anjung di tingkat satu dan tiang ini juga berfungsi untuk menampung binaan yang terdiri dari rasuk.



Rajah 2.2: Peta kedudukan Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang

Sumber: Google Maps (2022)

Bagi binaan bumbung pula, ia juga terbahagi kepada dua struktur binaan iaitu bumbung curam dan bumbung rata yang mana setiap struktur mempunyai fungsi yang tersendiri. Bumbung curam digunakan untuk menutup keseluruhan ruang tengah dan juga anjung bumbung manakala bagi bumbung rata pula ia terdapat konkrit tetulang pada bahagian serambi belakang.



Rajah 2.3: Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar
Sumber: Portal Jabatan Warisan Negara (2022)

Kesemua pintu dan jenang yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar ini adalah diperbuat daripada kayu. Ketinggian jenang yang berukuran 90" lebih lebar berbanding pintu dan perbezaannya juga mengikut jenis pintu dan ruangan di muzium. Tingkap-tingkap yang terdapat di muzium ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian atas dan bahagian bawah yang mana bahagian atas diperbuat daripada kepingan kaca manakala pada bahagian bawah pula diperbuat daripada kayu keras.

Terdapat juga dua jenis tangga di dalam muzium ini iaitu tangga batu dan tangga kayu. Tangga batu dibina pada bahagian pintu utama manakala pada bahagian belakang pula dibina tangga batu baru yang mana ia digunakan untuk menghubungkan antara bangunan muzium dengan pejabat.

2.3 KERANGKA TEORI

2.3.1 Teori Pelancongan

Teori yang dipilih dalam kajian ini adalah teori pelancongan. Teori ini dipilih oleh pengkaji kerana ia bersesuaian dengan tajuk kajian yang dilakukan berkaitan pelancongan. Teori ini menjelaskan berkaitan pelancongan dari pelbagai perspektif.

Butler R. W telah menulis buku yang berjudul "The concept of the tourist area life-cycle of evolution: implications for management of resources" pada tahun 1980. Butler telah memperkenalkan konsep evolusi kitaran hidup di Kawasan pelancongan iaitu Butler telah melihat bagaimana perkembangan pembangunan di suatu Kawasan.

Enam tahap dalam perkembangan pelancongan yang didapati oleh Butler yang mana antara tahap-tahap kitaran pembangunan pelancongan yang diperkenalkan beliau adalah penemuan (exploration), penglibatan (involvement), pembangunan (development), kestabilan (consolidation), kurang berkembang (stagnasi), penurunan atau penremajaan (Decline/Rejuvenation). Menurut Butler, perkembangan sesebuah destinasi pelancongan berlaku secara evolusi dari permulaan dan melalui beberapa peringkat sehingga akhir mengikut bilangan pelancong dan masa.

Teori Butler ini menjelaskan bagaimana perkembangan pelancongan di kawasan tersebut daripada permulaan sampai berlaku perkembangan dan sehingga akhirnya bergantung kepada pengusaha pelancongan di kawasan tersebut iaitu adakah ia berlaku penurunan atau pembangunan pelancongan semula.

2.4 KESIMPULAN

Berdasarkan bab dua ini, dapat dinyatakan bahawa terdapat banyak kajian-kajian lepas yang boleh dijadikan sebagai rujukan untuk pengkaji menjalankan penyelidikan. Seterusnya pengkaji dapat menggunakan artikel-artikel yang dipilih untuk mendefinisikan setiap penyelidikan yang dijalankan berkaitan pelancongan berasaskan wasan dan Muzium Sultan Abu Bakar. Disini dapat disimpulkan juga bahawa pelancongan ke bangunan bersejarah ini bukan lah asing lagi di dalam negara ini malah ia juga merupakan salah satu cabang dalam meningkatkan taraf ekonomi negara sekaligus dapat mendedahkan keunikan sesebuah bangunan bersejarah itu kepada masyarakat luar. Bagi penggunaan teori pula, pengkaji menggunakan teori pelancongan dari pada Butler R.W yang mana ia menceritakan tahap-tahap perkembangan pelancongan yang wujud di sesebuah kawasan.

BAB 3

METODOLOGI


3.1 PENGENALAN

Pada bahagian metodologi kajian ini, pengkaji menerangkan serba sedikit mengenai kaedah kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi memenuhi kehendak kajian ini. Melalui kaedah ini pengkaji boleh menganalisis berkaitan nilai-nilai warisan seperti sejarah dan rekabentuk seni bina Muzium Sultan Abu Bakar serta persepsi pengunjung yang hadir ke Muzium itu dari pelbagai kategori. Selain itu pengkaji ingin melihat sejauh mana nilai warisan itu mampu menarik pengunjung untuk berkunjung ke bangunan bersejarah ini sekaligus dapat meneliti pandangan masyarakat berkaitan pelancongan warisan zaman kini.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

3.2 REKABENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian adalah salah satu cara penyelidik menyusun kajian dan merupakan satu prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab persoalan dan objektif kajian ini, pengkaji telah memilih kaedah kuantitatif bagi mengumpul dan memperoleh maklumat dan data yang berkaitan dengan tajuk yang dikaji. Kaedah kuantitatif yang digunakan adalah soal selidik dan pemerhatian. Selain itu, rekabentuk kajian ini juga digunakan untuk memperoleh maklumat atau data secara terus dari subjek kajian .



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian

Menurut Mohd Kamal Dasuki (1996) kajian kes mampu memperoleh gambaran secara realiti yang konsisten malah dapat mempermudah pertalian dengan kegiatan yang dilakukan. Kegiatan yang dinyatakan ialah untuk mempermudah pengesanan bahagian-bahagian yang hendak dikaji

3.3 KAEDAH KUANTITATIF

Kaedah kuantitatif merupakan satu kajian berbentuk umum dengan menggunakan analisis statistik. Ia juga bersifat objektif dan lebih cenderung kepada hasil. Istilah kuantiti ini membawa maksud kepada sesuatu bilangan atau membawa erti berapa banyak dan ia merujuk kepada hasil jumlah yang berbeza tetapi dinyatakan dengan tepat mengikut jumlah dari hasil dapatan kajian. Kuantitatif juga merupakan sejenis penyelidikan pendidikan yang mana pengkaji sendiri menentukan apa yang hendak dikaji dengan cara bertanyakan soalan yang khusus dan juga mengecilkan skop soalan, ia juga adalah untuk mengumpul data yang boleh dikuantitatifkan oleh responden, menganalisa jumlah tersebut menggunakan statistik.

pengkaji memilih kajian kualitatif kerana ia dapat membantu pengkaji untuk mendapatkan data atau maklumat secara langsung dan tidak terbatas. Bagi memperolehi maklumat menerusi kaedah kuantitatif, pengkaji menggunakan instrument penyelidikan seperti penggunaan borang soal selidik di dalam talian. Ini kerana dengan menggunakan kaedah tersebut, pengkaji boleh memperolehi maklumat melalui hasil yang telah dinyatakan secara automatik di dalam borang atas talian tersebut. Selain itu pengkaji menggunakan sumber internet untuk mengakses maklumat yang lebih banyak

berkaitan nilai-nilai warisan yang terdapat di bangunan-bangunan bersejarah mahupun Muzium Sultan Abu Bakar itu sendiri.

3.4 PENGUMPULAN DATA

3.4.1 Data Primer

Pengkaji akan menggunakan data primer bagi mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan kajian dengan menggunakan data primer. Melalui kaedah kuantitatif ini, pengkaji akan memilih untuk melakukan kajian dengan menggunakan beberapa kaedah iaitu:

i) Kajian Lapangan

kajian lapangan ini memerlukan pengkaji untuk melakukan kajian di kawasan kajian yang telah dipilih. Kerja lapangan adalah untuk membuat pengumpulan data berkaitan kajian yang telah dipilih dan kajian lapangan ini juga digunakan supaya maklumat yang diperolehi oleh pengkaji mudah didapati dan dapat menganalisis dengan baik.

ii) Kaedah pemerhatian

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temubual. Melalui pemerhatian,

3.4.2 Data Sekunder

Kaedah data sekunder ini merupakan kaedah memperolehi maklumat berdasarkan bahan-bahan ilmiah yang telah dilakukan penyelidikan untuk dijadikan sebagai rujukan oleh pengkaji. Menerusi data sekunder ini pengkaji dapat mengumpulan maklumat berkaitan dengan tajuk yang dikaji.

i) Kajian Perpustakaan

Kaedah penyelidikan kepustakaan ini atau lebih dikenali sebagai library research yang mana pengkaji akan menggunakannya untuk mendapatkan data atau bukti berkaitan tajuk kajian. Kaedah ini merupakan satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat serta info berkaitan tajuk yang dikaji seperti di dalam jurnal, buku, majalah dan pelbagai maklumat lagi yang akan membantu untuk menyelesaikan kajian.

ii) Sumber Internet

Berdasarkan kajian ini, pengkaji juga mengumpul maklumat melalui sumber internet. Hal ini kerana pengkaji akan dapat menambah maklumat menerusi internet tanpa had sekaligus memudahkan pengkaji untuk mengakses maklumat dalam laman sesawang mengenai pelancongan warisan dan data berkaitan Muzium Sultan Abu Bakar.

3.5 KAEDAH ANALISIS DATA

Menurut Corbin dan Strauss (2008) analisis data bukan setakat merekod dan membentuk data-data untuk dikumpulkan "It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking question about the data, and so on ,

making comparison between data, and in doing so, deriving concept to stand for those data, then developing those concept in term of their properties and dimension” (hlm 16). Beliau menyatakan analisis data melibatkan penggunaan teknik seperti bertanya soalan, membuat perbandingan terhadap data yang dikumpul dan kaedah lain untuk membentuk konsep berdasarkan data yang dikumpul.

Jadual 1: Jadual Kaedah Kajian

OBJEKTIF KAJIAN	KAEDAH KAJIAN	
Mengetahui nilai warisan terhadap Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang.	Data primer	- Kajian lapangan - Pemerhatian - Carian ilmiah
Mengukur persepsi pengunjung keatas Muzium Sultan Abu Bakar sebagai destinasi pelancongan warisan.	Data sekunder	- sumber internet - soal selidik
Mengenalpasti elemen warisan sebagai daya tarikan pelancong ke Muzium Sultan Abu Bakar.	Data sekunder	- sumber internet - soal selidik

3.6 INSTRUMEN KAJIAN

Instrument kajian merupakan penyediaan alatan atau bahan yang digunakan untuk mengumpul maklumat atau data dengan tujuan untuk menjawab persoalan kajian dan juga dapat menghuraikan lebih banyak lagi tentang objektif kajian yang dipilih. Menurut Ustaz Kenali (2012) instrumen kajian ialah apa-apa alat atau cara untuk memperoleh dan mengumpul data

kajian. Di samping itu, urusan pengumpulan data maklumat berkaitan kajian akan terlihat lebih mudah untuk didapati dan disimpan. Antara instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah:

i) Telefon pintar

Instrumen telefon pintar akan digunakan bagi menghubungi kesemua responden dengan hanya menerusi atas talian sahaja ketika hendak melakukan sesi temubual secara tidak berstruktur. Ia juga dijadikan instrumen untuk merekod maklumat yang dinyatakan oleh responden apabila sesi temubual bersemuk dilakukan. Selain itu medium telefon pintar ini juga merupakan medium yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian.

ii) Borang temu bual

Borang temu bual juga merupakan instrumen yang penting kepada pengkaji dalam melakukan kajian ini sehingga selesai. Borang ini digunakan untuk menemu bual responden secara bersemuka yang mana pengkaji dapat memperolehi maklumat dengan lebih banyak dan jelas. Hal ini juga dapat mengelakkan berlakunya kehilangan maklumat yang penting dan ia juga boleh dijadikan rujukan oleh pengkaji dalam jangka masa yang lama.

3.7 KESIMPULAN

Kesimpulanya, metodologi kajian yang dilakukan ini adalah proses untuk pengkaji melakukan penyelidikan bagi memastikan maklumat yang diperolehi mencapai hala tuju yang kajian yang betul. Segala maklumat yang dinyatakan ini hendaklah diteliti dengan baik agar dapat memberikan kefahaman kepada pembaca dan kajian isi serba sedikit dapat memberikan manfaat kepada masyarakat berkaitan pelancongan warisan.



BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Dalam bab ini akan menerangkan tentang dapatan kajian berkenaan berdasarkan maklumat carian ilmiah dan maklum balas responden dalam borang soal selidik yang dijalankan. Analisis kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan sistem *statistical package for sosial science (SPSS)*. Setiap dapatan dan maklumat yang diperolehi dipaparkan dalam bentuk jadual, graf dan carta pai. Dalam bab ini juga, hasil yang didapati oleh pengkaji adalah huraian kepada persoalan kajian yang dinyatakan iaitu adakah Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang ini mempunyai nilai warisanya yang tersendiri. Bagi menjawab persoalan tersebut, pengkaji telah menggunakan elemen-elemen yang terdapat di dalam akta warisan kebangsaan 2005. Oleh itu pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan dan carian ilmiah untuk mendapatkan maklumat. Seterusnya, soal selidik dilakukan untuk menghuraikan persoalan dua dan tiga yang mana pengkaji menjelaskan latar belakang responden, soal selidik berkenaan persepsi pengunjung melalui komponen teras destinasi pelancong dan elemen warisan yang menjadi tarikan pelancong untuk datang ke Muzium Sultan Abu Bakar. Soal selidik yang dijalankan oleh pengkaji dihuraikan dalam bentuk jadual latar belakang responden dan, carta pai dan graf berkaitan maklum balas responden.

4.2 SEJARAH PERKEMBANGAN MUZIUM SULTAN ABU BAKAR DARI ISTANA KEPADA MUZIUM

Sesebuah bangunan Muzium itu memainkan peranan yang penting di dalam masyarakat dan negara kerana disitulah terletaklah identiti warisan sesebuah negara, negeri dan daerah yang tertentu. Muzium Istana Sultan Abu Bakar merupakan satu bangunan bersejarah tinggalan zaman dahulu yang masih terpelihara di Bandar Diraja, Pekan Pahang yang mana bangunan ini juga mempunyai nilai budaya dan keseniannya yang tersendiri. Ia juga merupakan satu tinggalan warisan yang amat penting kepada masyarakat terutama masyarakat Pahang sendiri. Pada tahun 1970, telah berlakunya satu pertemuan orang ramai ketika musim banjir besar. Di dalam pertemuan tersebut, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak Bin Tun Hussein telah menyatakan hasratnya bahawa Negeri Pahang seharusnya membina sebuah Muzium untuk mengisi atau mempamerkan khazanah-khazanah budaya dan sejarah yang didapati di dalam negeri Pahang. Berikutan itu, satu kertas kerja mesyuarat telah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Negeri Pahang berkenaan dengan penubuhan sebuah Muzium dan di dalam mesyuarat itu juga bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja yang akan diketuai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan. Antara hal yang amat menarik di dalam mesyuarat tersebut adalah cadangan jawatankuasa mengenai penubuhan ini untuk menjadikan Istana Kota Beram sebagai sebuah muzium negeri yang pertama di negeri Pahang Darul Makmur ini.

Jadual 2: Ringkasan ejarah Perkembangan Muzium Sultan Abu Bakar

TAHUN	RINGKASAN SEJARAH PERKEMBANGAN MUZIUM SULTAN ABU BAKAR
TAHUN 1887- 1889	- Sultan Ahmad Shah, pemerintah Pahang pada Ketika itu mendirikan Istana Baginda di tebing kanan Sungai Pahang. - Pada mulanya dikenali sebagai Masjid Abdullah - Selepas perjanjian persahabatan antara Sultan Ahmad Shah dengan Kerajaan Inggeris pada 1 Julai 1887 dan J.P. Rodger sebagai Residen British di Pahang, Kerajaan Inggeris mengambil alih Kawasan itu. - Kerajaan Inggeris mendirikan sebuah bangunan sebagai tempat kediaman Residen British
TAHUN 1898	- Ibu Negeri Pahang berpindah dari Pekan ke Kuala Lipis - Dijadikan sebagai bangunan tempat singgah Residen British - Tugas di Pekan dijalankan oleh Residen Inggeris.
TAHUN 1929	- Kediaman kayu dua lapis itu telah digantikan dengan rumah batu dua lapis
TAHUN 1948	- D.Y.M.M Sultan Abu Bakar telah mengambil alih rumah yang dibina untuk kegunaan pegawai-pegawai penjajah di Kawasan istana sultan-sultan yang memerintah Pahang pada Ketika itu - Baginda menjadikanya sebagai istana Rasmi untuk menggantikan Istana Sri Terentang - Istana itu diberi gelaran “Istana Kota Beram”
TAHUN 1954	- Pembinaan bangunan yang disambungkan dengan Istana Kota Beram - Ia dikenali sebagai “Balairong seri” - Balairong Seri juga dijadikan tempat untuk keraian masyarakat, ulang tahun

	keputeraan dan Jubli Perak 1975
TAHUN 1959- 1965	- Pembinaan istana baru untuk dijadikan sebagai tempat persemanyanan D.Y.M.M Sultan Pahang - D.Y.M.M Sultan Pahang Berangkat meninggalkan Istana Kota Beram untuk menetap di istana baru.
TAHUN 1976	- Lembaga Muzium Pahang telah berpindah dari Pejabat Setiausaha Kerajaan ke Istana Kota Beram pada 17 Mac 1976. - 21 Oktober 1976, Istana Kota Beram dijadikan sebuah Muzium dengan gelaran Muzium Sultan Abu Bakar.



Rajah 4.1: Bangunan utama Muzium Sultan Abu Bakar pada tahun 1950an

Sumber: Blogspot sejarah Muzium Sultan Abu Bakar.

Jawatankuasa yang telah terbentuk itu telah mengadakan beberapa mesyuarat sebagai persetujuan untuk mewujudkan sebuah Muzium Negeri Pahang melalui satu enakmen dan jawatankuasa itu juga mencadangkan

bahawa muzium tersebut akan dinamakan sebagai Muzium Sultan Abu Bakar. Dewan Undangan Negeri Pahang telah meluluskan enakmen yang digubal oleh Jawatankuasa dan ia diwartakan sebagai Enakmen Bilangan 1/1975 pada 14 Ogos 1975. Berpandukan kepada Enakmen ini, telah terbentuknya sebuah Lembaga Pengelola iaitu Lembaga Muzium Negeri Pahang yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.

Upacara penyerahan laporan berkaitan kemajuan penubuhan Lembaga Muzium Negeri Pahang telah dilaksanakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Negeri Pahang kepada Pengerusi Lembaga Muzium Negeri Pahang pada 30 Julai 1975 di Istana Kota Beram. Sekaligus Muzium ini akan dijadikan muzium negeri yang pertama di Negeri Pahang. Menteri Besar Pahang pada Ketika itu Dato' Muhammad Jusoh secara rasminya telah menyerahkan sijil perlantikan ahli-ahli Lembaga Muzium Negeri Pahang pada 26 Ogos 1975 dan telah melantik pengerusi pertama iaitu Tuan Haji Mokhtar Bin Haji Mohd Daud, A.M.N.

Setelah semuanya sudah diselesaikan. Lembaga Muzium mula menjalankan urusan untuk mendapatkan kakitangan dan pihak-pihak yang berkaitan bagi membaik pulih Istana Kota Beram dan mendapatkan barang-barang atau khazanah kebudayaan dan sejarah untuk diisi di Istana Kota Beram dan menjadikanya sebuah Muzium. Istana Kota Beram telah dipilih oleh Kerajaan negeri untuk dijadikan sebagai bangunan muzium kerana ianya dibina di atas satu tapak bersejarah dan istana itu juga mempunyai sejarahnya yang tersendiri.

Mengikut kepada Sejarah Pahang yang telah dikarang oleh Dr. Linehan, JMBRAS 1936, menceritakan Pahang selepas Zaman Majapahit hingga tahun 1454 telah ditakluki oleh Kerajaan Siam. Seperti yang diceritakan oleh orang dulu, termasuklah Tok Bijaya DiRaja, Allahyarham Syed Ahmad Abdullah bahawa Pekan Lama dan Pekan Baru dahulunya duduk di dalam satu tanah tetapi orang-orang siam telah membuka sebuah perit untuk mengurangkan air paya Sesiur (Kawasan Padang Polo) dan Paya Ara. Dahulunya parit ini dikenali sebagai Parit Siam yang juga merupakan Sungai Parit yang ada sehingga kini. Pembinaan parit tersebut, telah mewujudkan sebuah pulau yang dipanggil sebagai Pulau Beram yang mana ia disambungkan dengan Kawasan di antara tebing kanan Sungai Parit dengan tebing kiri Sungai Air Hitam dan di antara hulu Sungai Air Hitam dan hulu Sungai Parit dengan tebing kanan Sungai Pahang.

Mengikut cerita orang dahulu, alur yang menyambung hulu Sungai Air Hitam dengan hulu Sungai Pahang itu dibersihkan yang mana orang-orang berkayuh perahu sampan hanya dengan muatan tiga orang sahaja yang dapat mengelilingi pulau itu dalam masa tiga jam. Tetapi pada Perang Jerman tahun 1915 telah terbinanya Tali air di bawah jagaan Jabatan Kerja Raya yang dikenali sebagai '*Hydraulic Branch of the Public Works Department*' dengan tujuan untuk menjimatkan belanja. Ketika peperangan sekaligus telah memberhentikan usaha menjaga alur tersebut dan lama kelamaan alur itu tertimbus dan hanya tinggal nama sahaja sebagai Pulau Beram.

Bagi penamaan istana ini juga mempunyai sejarah yang tersendiri mengikut cerita Sejarah Melayu terdahulu. Kisahnya bermula dengan Sultan Abdul Samad yang telah ditunangkan dengan Tun Teja tetapi tunangnya telah

dilarikan oleh Laksaman Hang Nadim dan ada juga cerita yang menyatakan bahawa Tun Teja telah dilarikan oleh Hang Tuah. Ke bumi Melaka. Akibat terlalu murka, Sultan Abdul Jamil telah menunggang seekor gajah atau dikenali sebagai beram yang bernama 'I Kepeyang' dan melanggar tiang Balairong Istana baginda kemudian istana yang berkota itu dipanggil Istana Kota Beram. Kisah ini berlaku semasa zaman kegemilangan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka.

Masih tiada maklumat yang sahih sehingga bilakan Kawasan itu digunakan sebagai istana. Antara cerita yang dapat dipastikan adalah pada kurun ke-19 yang mana ada dinyatakan oleh T.J. Newbold yang datang melawat Pahang dalam tahun 1828 di dalam bukunya yang bertajuk "Political and Statistical Account of the British Empire in the Straits of Malacca". Ianya dicetak pada tahun 1838 dan Munsyi Abdullah di dalam bukunya "Pelayaran Abdullah" bahawa Ketika mereka sampai, Bendahara Pahang tinggal di sebelah kiri hilir Sungai Pahang.

Pada pemerintahan Sultan Ahmad, baginda telah mendirikan istana di tebing kanan Sungai Pahang iaitu di Kawasan Masjid Abdullah pada mulanya. Hugh Clifford telah menyatakan perkara berkaitan Kawasan Istana Sultan Ahmad ini di dalam buku catatan hariannya semasa beliau menghadap Sultan Ahmad dalam bulan Mac hingga April tahun 1887. Seterusnya, beliau datang ke Negeri Pahang adalah untuk mendapatkan persetujuan Sultan Ahmad supaya memeterai perjanjian persahabatan dengan kerajaan Inggeris. Ini kerana J.P. Rodger iaitu Residen British pada Ketika itu telah menandatangani suatu perjanjian dengan persetujuan Sultan Ahmad pada 1 Julai 1889.

Disebabkan perlantikan J.P. Rodger sebagai Residen British, ia telah membuatkan Kerajaan Inggeris mengambil alih Kawasan yang mana terdiri nya Kota Beram daripada Haji Mohd Noor Cek Dollah Bera dan Tuan Hitam Menteri. Sebuah bangunan dua tingkat telah dibina oleh kerajaan inggeri sebagai tempat kediaman residen British. Bersama bangunan ini juga turut dibina sebuah padang tenis untuk tujuan beriadah. Pada mulanya bangunan ini telah didiami oleh Hugh Clifford sehinggalah J.P. Rodger mengambil alih dan untuk menjalankan tugasnya sebagai Residen British pertama di Pahang.



Rajah 4.2: Pelan tapak Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: Jabatan Warisan Negara

Walaupun bagaimanapun, ianya tidak kekal lama selepas ibu negeri Pahang telah berpindah dari Bandar Pekan ke Kuala Lipis sekitar tahun 1898 dan rumah kediaman Residen British tersebut dijadikan sebagai tempat persinggahnya apabila terdapat urusan di Pekan. Pada tahun 1929 rumah kayu dua tingkat itu telah dinaiktaraf dan digantikan dengan sebuah bangunan batu

dua tingkat yang mana pembinaan bangunan dua tingkat ini telah menelan perbelanjaan sebanyak 200 ribu dollar.

Semasa zaman penaklukan Jepun di Pekan, bangunan ini telah digunakan oleh pegawai-pegawai Jepun dan keseluruhan bangunan ini dijadikan sebagai markas dan pusat tahanan tentera Jepun. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan penceritaan En. Muhammad Bin Zahari yang merupakan Penolong Kurator kanan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan yang terkini yang mana beliau menceritakan semasa pembukaan semula Muzium, pihak yang berkaitan telah menemui tinggalan peluru meshingan yang masih hidup di dalam tanah dan peluru tersebut telah diserahkan kepada pihak yang berwajib.

Pada tahun 1948, Duli Yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar telah mengambil alih bangunan yang menjadi bangunan tempat pegawai-pegawai penjajah yang mana ianya didirikan di Kawasan istana sultan-sultan yang memerintah Pahang daripada keturunan Melaka. Sultan Abu Bakar telah mengambilnya untuk menggantikan Istana Sri Terentang dan dijadikan sebagai istana rasmi baginda dan dinamakan Istana Kota Beram. Dengan ini timbullah Kembali nama yang telah lenyap berkurun-kurun itu.

Di Istana Kota Beram inilah di jadikan tempat Duli yang Maha Mulia Sultan Abu Bakar mengadakan mesyuarat dan juga menyambut ulang tahun hari keputeraan baginda. Walaubagaimanapun, Baginda dapatu Kawasan di dalam Istana Kota Beram ini agak sempit maka Baginda meminta kerajaan negeri untuk membina sebuah lagi bangunan pada tahun 1954 yang mana ia

disambungkan dengan Istana Kota Beram dan bangunan tambahan tersebut dinamakan sebagai Balairong Seri.

Selepas terbinanya Balairong Seri itu, semua aktiviti diadakan disitu seperti mesyuarat dan upacara keraian menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan termasuk Jubli Perak 1957. Tetapi Balairong Seri tersebut tidak lagi dijadikan sebagai tempat mesyuarat selepas Majlis Mesyuarat Kerajaan dipengurusikan oleh Menteri Besar pada 5 Ogos 1959.

Berikutan hal yang demikian, ia menyebabkan kerajaan Pahang membina sebuah istana yang sesuai bertujuan sebagai tempat persemayaman Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang yang berhampiran dengan Istana Sri Terentang. Pada tahun 1965, telah dibina Istana yang diberi nama Istana Sultan Abu Bakar dan tidak berapa lama kemudian, Duli Yang maha Mulia Sultan Abu bakar berangkat untuk meninggalkan Istana Kota Beram.

Pada 17 Mac 1976, Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang iaitu Sultan berkenan untuk menjadikan Istana Kota Beram sebagai Muzium dan pejabat Lembaga Muzium Negeri Pahang telah berpindah dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri ke Istana Koata Beram.

Kebawah Duli yang maha Mulia Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah telah memerintahkan supaya Ahli-Ahli Lembaga Muzium Negeri Pahang menghadap baginda untuk melaporkan perkembangan dan usaha-usaha Lembaga Muzium Negeri Pahang bagi urusan rasmi pembukaanya. Ketika majlis menghadap berlangsung di Istana Abu Bakar, Duli Yang Maha Mulia telah memastikan semua usaha dan kerja-kerja yang sedang dijalankan oleh Lembaga. Berikutan itu juga, Baginda berkenan untuk memberikan pertolongan

dan bantuan sepenuhnya kepada Lembaga Muzium Negeri Pahang bagi urusan pembinaan dan perkembangan Muzium Sultan Abu Bakar pada masa akan datang.

Pada hari Khamis 21 Oktober 1976 bersamaan dengan 27 haribulan Syawal 1396, dengan segala limpah berkenan kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. Sultan Yang Dipertuan Negeri Pahang merasmikan pembukaanya. Dengan itu, makan Istana Kota Beram akhirnya telah menjadi sebuah muzium negeri dengan gelaran 'Muzium Sultan Abu Bakar, yang mana ia dijadikan sebagai tempat megumpul dan mengabadikan warisan budaya datuk nenek kita supaya ianya akan menjadi tatapan bagi generasi akan datang.

4.3 CIRI-CIRI REKABENTUK DAN ESTETIKA MUZIUM SULTAN ABU BAKAR

Dalam era permodenan yang dihambat kemajuan ini, masih ada pihak yang mengambil langkah untuk terus mengekalkan bangunan bersejarah sebagai tatapan generasi akan datang yang mana bangunan bersejarah ini mempunyai nilai-nilai warisan dari pelbagai aspek diantaranya adalah rekabentuk yang menunjukkan ciri-ciri pengaruh daripada luar negara yang begitu menjadi tarikan. Begitu juga bangunan Muzium Sultan Abu Bakar yang terletak di Bandar Diraja pekan ini yang mana reka bentuk bangunan ini dibina dengan menggunakan gaya *Neo-Klasikal* yang terkenal di Eropah pada kurun ke-19. Ia juga merupakan satu pembaharuan kepada seni bina klasikal dengan

penerapan rekaan klasikal yang lebih ringkas tanpa adanya motif ukiran yang padat. Bangunan ini juga dibina secara simetri dengan susunan tiang Roman yang berkembar dan menjadikan ia tampak majestik dan monumental.



Rajah 4.3: Bangunan gaya Neo Klasikal, Eropah

Sumber: Prodi Arsitektur, Universiti Medan



Rajah 4.4: Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: Muzium Sultan Abu Bakar

Pada umumnya, struktur binaan bangunan Muzium Sultan Abu Bakar ini ia menggunakan dua sistem binaan yang digabungkan iaitu Sistem Dinding Tanggung Beban dan Sistem Tiang dan Alang. Sistem Dinding Tanggung Beban adalah salah satu sistem binaan yang biasanya digunakan pada sesuatu binaan bangunan sebelum adanya teknologi konkrit bercerucuk. Sistem struktur binaan dapat diaplikasikan pada bahagian utama bangunan Muzium Sultan Abu Bakar ini yang mana ketebalan dindingnya adalah 12" hingga 14" dan ia dibina dengan menggunakan ikatan batu bata yang dilepa. Bagi Sistem Tiang dan Alang pula, ia digunakan untuk menyokong di bahagian verendeh dan juga anjung yang ada di bangunan Muzium terutama di tingkat satu. Beranda bawah dan atas dibina lebar untuk laluan luar serta mengurangkan pancaran terik matahari. Dahulunya bidai buluh dipasang sebagai sebahagian dari rekaan bangunan ini dan anjung terbuka yang sangat luas dibina pada kedua-dua hujung bangunan tempat di mana terletak bilik utama. Tiang bangunan yang digunakan untuk menyokong struktur bangunan yang terdiri daripada rasuk di atasnya yang bersaiz 1'6" (satu kaki enam inci).

Struktur bumbung yang terdapat pada bangunan Muzium Sultan Abu Bakar ini terbahagi kepada dua jenis iaitu bumbung curam dan bumbung rata. Bumbung yang curam menutupi keseluruhan bahagian hadapan dan bahagian belakang bangunan termasuk anjung bumbung yang mana anjung tengah dibina agak luas bagi memperkukuhkan lagi bentuk simetri bangunan ini. Bumbung bangunan ini menggunakan kemas genting tanah liat merah atau lebih dikenali sebagai "genting marsiles" manakala bumbung rata konkrit tetulang pula terdapat di bahagian serambi belakang yang mana bahagian

serambi ini menghubungkan antara bahagian hadapan dan bahagian belakang bangunan.



Rajah 4.5: Lukisan terukur Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: Jabatan Warisan Negara



Rajah 4.6: Genting Marseilles pada bumbung Muzium

Sumber: Jabatan Warisan Negara

Tangga merupakan salah satu elemen utama yang menjadi akses bagi pengunjung untuk masuk ke dalam sesebuah bangunan. Muzium Sultan Abu Bakar terdapat dua jenis tangga di dalam dan diluar iaitu tangga batu dan tangga kayu. Tangga batu terdapat di bahagian pintu masuk utama Muzium yang mana pengunjung akan menemui tangga terlebih dahulu sebelum ke pintu masuk utama manakala tangga kayu pula terdapat di bahagian dalam

bangunan di mana tangga kayu yang elegan tersebut menghubungkan antara ruangan lobi dan aras kediaman di tingkat atas bangunan.



Rajah 4.9: Tangga Kayu dan tangga batu Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: Jabatan Warisan Negara


Pintu yang terdapat di Muzium Sultan Abu Bakar ini kesemuanya diperbuat daripada kayu termasuk jenangnya. Ketinggian pintu yang bersaiz 90" dan lebarnya berbeza mengikut jenis-jenis pintu dan juga keluasan sesebuah ruang. Tingkap yang terdapat di bangunan ini juga terbahagi kepada dua jenis iaitu tingkap kayu dan tingkap kaca. Elemen tingkap, birai dan daun tingkap yang terdapat di bahagian tingkat bawah bangunan kesemuanya diperbuat daripada kayu yang mana ia adalah untuk mengekalkan ciri-ciri warisan pada bangunan manakala tingkap di bahagian atas pula menggunakan tingkap kaca yang menutupi hampir keseluruhan bahagian tingkat atas. Tingkap kaca ini terletak diantara tiang-tiang berkembar yang mana kegunaannya adalah untuk menunjukkan bahawa rekabentuk bangunan ini adalah berdasarkan gaya Neo- Klasikal Eropah yang terkenal zaman dahulu.




Rajah 4.8: Tingkap dan pintu kayu di Muzium

Sumber: Jabatan Warisan Negara

Bangunan Muzium Sultan Abu bakar ini telah melalui banyak perubahan struktur pada beberapa elemen sepanjang penggunaanya sama ada sebagai Istana ataupun Muzium. Antara perubahan yang dapat dilihat dengan jelas adalah pada bahagian serambi di tingkat atas bangunan iaitu sepanjang fasad hadapan yang mana ruang antara tingkap telah ditutup dengan ram kayu. Kerja konservasi dilakukan hampir keseluruhan bangunan ini bangunan Muzium Sultan Abu bakar ini untuk mngembalikan semula agar tampak seperti asal. Walaubagaimanapun, Muzium ini digunakan sebagai galeri untuk mempamerkan pelbagai koleksi, keperluan penggunaan penghawa dingin haruslah dipertimbangkan agar dapat menjaga koleksi-koleksi tersebut dari terus rosak. Jadi, Langkah yang diambil adalah dengan memasang tingkap kaca jernih untuk tujuan penggunaan penghawa dingin. Selain itu penjagaan yang rapi juga harus di ambil perhatian oleh pihak yang berwajib supaya keadaan Muzium sentiasa dalam keadaan baik.



Rajah 4.9: Pelan lantai tingkat satu Muzium Sultan Abu Bakar



Rajah 4.10: Pelan lantai tingkat dua Muzium Sultan Abu Bakar

Sumber: Jabatan Warisan Negara

MALAYSIA
KELANTAN


4.4 Hubungkait Nilai Kepentingan Warisan Dengan Kehadiran Pelancong Melalui Empat Komponen Teras Destinasi Pelancong

4.4.1 BAHAGIAN A: ANALISIS LATAR BELAKANG RESPONDEN

Taburan Responden Mengikut Kategori

Jadual 3: Taburan responden mengikut kategori

KATEGORI	FREKUENSI	PERATUSAN
Pelajar sekolah	8	7.3%
Pelajar Kolej/Universiti	52	47.3%
Orang awam	50	45.5%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.12: Carta taburan responden mengikut kategori


Jadual 3 berikut menunjukkan taburan responden mengikut kategori yang mana pengunjung yang datang ke Muzium Sultan Abu Bakar tersebut terdiri dari pelbagai kategori dari segi pelajar, orang yang bekerja dan sebagainya. Maklumat yang didapati dari jadual ini adalah seramai 110 orang

(100%) responden yang telah mengisi borang soal selidik ini. Ia menunjukkan seramai 8 orang (7.3%) pelajar sekolah yang datang ke Muzium ini. Pelajar Kolej dan Universiti pula didapati seramai 52 orang (47.3%) manakala bagi orang awam yang datang berkunjung ke Muzium pula adalah sebanyak 50 orang (45.5%).

Taburan responden mengikut umur

Jadual 4: Taburan responden mengikut umur

UMUR	FREKUENSI	PERATUSAN
13-17 tahun	6	5.5%
18-29 tahun	76	69.1%
>30 tahun	28	25.5%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.13: Carta taburan responden mengikut umur


Jadual 4 diatas menunjukkan taburan reponden mengikut umur yang mana pengunjung yang datang ke Muzium terdiri daripada pelbagai peringkat

umur. Daripada data yang terkumpul, didapati seramai 6 orang (5.5%) bagi umur 13-17 tahun yang berkunjung. Bagi umur 18-29 tahun pula seramai 76 orang (69.1%) manakala seramai 28 orang (25.5%) bagi pengunjung yang berumur >30 tahun.

Taburan responden mengikut jantina

Jadual 5: Taburan responden mengikut jantina

JANTINA	FREKUENSI	PERATUSAN
Lelaki	54	49.1%
Perempuan	56	50.9%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.14: Carta taburan responden mengikut jantina


Jadual 5 menunjukkan taburan jantina yang terdiri daripada pengunjung yang datang berkunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar pada tahun 2022 dan 2023. Mengikut data yang diperolehi, ia menunjukkan bahawa seramai 110 (100%) yang datang berkunjung ke Muzium. Maklumat daripada jadual ini, ia

menunjukkan 54 lelaki (49.1%) yang datang berkunjung manakala bagi perempuan pula adalah seramai 56 orang (50.9%)

Taburan responden mengikut bangsa

Jadual 6: Taburan responden mengikut bangsa

BANGSA	FREKUENSI	PERATUSAN
Melayu	91	82.7%
India	11	9.1%
Cina	8	7.3%
Lain-lain	0	0%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.15: Carta taburan responden mengikut bangsa

Jadual 6 menunjukkan taburan responden yang mengunjungi Muzium Sultan Abu Bakar mengikut bangsa. Data yang terkumpul mendapati, daripada jumlah keseluruhan yang mengisi boring soal selidik ini didapati seramai 91 orang (82.7%) yang berbangsa Melayu manakala bangsa India pula seramai 11


orang (9.1%). Bagi responden yang berbanhsa Cina pula adalah seamai 8 orang (7.3%) dan bangsa yang lain-lain adalah 0 orang (0%).

4.4.2 BAHAGIAN B: PERSEPSI PENGUNJUNG DALAM EMPAT KOMPONEN TERAS DESTINASI PELANCONG

Taburan responden bagi elemen tarikan

Jadual 7: Taburan responden bagi elemen tarikan

ELEMEN TARIKAN	FREKUENSI	PERATUSAN
Muzium mempunyai landskap yang cantik	78	70.9%
Mempunyai rekabentuk dan senibina yang cantik	98	89.1%
Mempunyai nilai warisan yang tersendiri	79	71.8%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.16: Graf taburan responden bagi elemen tarikan


Jadual 7 menunjukkan taburan responden bagi elemen tarikan yang mana setiap pengunjung yang melawati muzium pasti ada tujuan yang tertentu. Menurut jadual yang dinyatakan, terdapat 78 orang (70.9%) yang hadir ke Muzium untuk melihat landskap sesebuah Muzium yang cantik dan menarik.

Bagi pengunjung yang berkunjung ke Muzium kerana muzium itu mempunyai rekabentuk dan senibina yang cantik adalah seramai 98 orang (89.1%) manakala bagi pengunjung yang datang untuk menghayati nilai-nilai warisan sesebuah muzium itu adalah seramai 79 orang (71.8%).

Taburan responden bagi elemen aktiviti

Jadual 8: Taburan responden bagi elemen aktiviti

ELEMEN AKTIVITI	FREKUENSI	PERATUSAN
Mengadakan persembahan untuk pengunjung	67	60.9%
Mengadakan aktiviti yang menarik minat	72	65.5%
penjunjung Mempunyai program yang	92	83.6%
berunsurkan pendidikan	110	100%
JUMLAH		



Rajah 4.17 : Graf taburan responden bagi elemen aktiviti


Jadual 8 menunjukkan taburan responden bagi elemen aktiviti. Menurut jadual yang dinyatakan diatas, ia menunjukkan seramai 67 orang (60.9%) yang menyatakan bahawa muzium megadakan persembahan untuk pengunjung manakala seramai 72 orang (65.5%) menyatakan adanya aktiviti anjuran

Muzium yang menarik minat pengunjung. Bagi program yang berunsurkan Pendidikan pula adalah seramai 92 orang (83.6%).

Taburan responden bagi elemen kemudahsampaian

Jadual 9: Taburan responden bagi elemen kemudahsampaian

ELEMEN KEMUDAHSAMPAIAN	FREKUENSI	PERATUSAN
Maklumat artifak yang dipamerkan memberi pengetahuan baru pada pengunjung yang hadir	96	87.3%
Penyampaian dari staf Muzium amat memuaskan	73	66.4%
Pameran yang dipamerkan memberi inspirasi pada pengunjung.	87	79.1%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.18 : Graf taburan responden bagi elemen kemudahsampaian


Berikut merupakan taburan responden bagi elemen kemudahsampaian. Menurut yang dinyatakan di dalam jadual 9, seramai 96 (87.3%) orang yang menganggap maklumat artifak yang dipamerkan memberi pengetahuan baru

pada pengunjung yang hadir. Seramai 73 (66.4%) pula menyatakan penyampaian daripada staf muzium amat berpuas hati manakala pameran yang dipamerkan memberi inspirasi pada pengunjung adalah seramai 87 orang (79.1%).

Taburan responden bagi elemen kemudahan

Jadual 10: Taburan responden bagi elemen kemudahan

ELEMEN KEMUDAHAN	FREKUENSI	PERATUSAN
Mempunyai banyak tempat rehan untuk pengunjung	99	90%
Mempunyai cafe untuk kemudahan pengunjung.	78	70.9%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.19: Graf taburan responden bagi eleme kemudahan

Jadual 10 di atas menunjukkan taburan responden bagi elemen kemudahan yang mana ia menunjukkan kepuasan pengunjung bagi kemudahan yang disediakan oleh pihak muzium. Seperti yang dinyatakan


seramai 99 orang (90%) berpuas hati kerana muzium mempunyai banyak tempat rehat untuk pengunjung manakala seramai 78 orang (70.9%) pula berpuas hati kerana muzium mempunyai cafe untuk kemudahan pengunjung.

4.4.3 BAHAGIAN C: MENGENALPASTIELEMEN WARISAN SEBAGAI DAYA TARIKAN PELANCONG KE MUZIUM SULTAN ABU BAKAR, PAHANG

Taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan

Jadual 11: Taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan

ELEMEN WARISAN	FREKUENSI	PERATUSAN
Tertarik dengan keunikan dan senibina Muzium Sultan Abu Bakar	100	90.9%
Ingin melihat artifak atau pameran yang dipamerkan di Muzium Sultan Abu Bakar	102	92.8%
Ingin mengetahui sejarah Muzium Sultan Abu Bakar	75	68.2%
Tertarik dengan cerita-cerita mistik di Muzum Sultan Abu Bakar.	61	55.5%
JUMLAH	110	100%



Rajah 4.20 : Graf taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan

Jadual 11 menunjukkan taburan responden dalam elemen warisan sebagai daya tarikan. Ia menunjukkan bahawa responden yang datang ke muzium kerana tertarik dengan senibina dan keunikan Muzium Sultan Abu Bakar adalah seramai 100 orang (90.9%) manakala pengunjung yang ingin melihat artifak atau pameran adalah seramai 102 orang (92.7%). Bagi pengunjung yang ingin mengetahui sejarah Muzium pula adalah seramai 75 orang (68.2%) dan pengunjung yang tertarik dengan cerita-cerita mistik di Muzium Sultan Abu Bakar pula adalah seramai 61 orang (55.5%).

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 PENGENALAN

Pada bahagian ini akan diterangkan secara menyeluruh berkaitan kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji iaitu tentang Hubungkait Nilai Warisan Dengan Kehadiran Pelancong Kajian Kes: Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang. Bab ini juga merupakan bab yang penting kerana ia akan menyimpulkan kesemua objektif yang telah dinyatakan oleh pengkaji berkaitan Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang. Seterusnya di bahagian ini juga pengkaji akan menunjukkan hasil dapatan kajian yang berkaitan dengan maklum balas dari pengunjung yang datang berkunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar. Akhir sekali pada bab ini juga pengkaji akan memberikan beberapa cadangan yang boleh digunapakai dan boleh dijadikan sebagai satu rujukan pada pengkaji akan datang dan ia juga boleh membantu dalam menambahkan lagi maklumat berkaitan Muzium.

5.2 KESIMPULAN

Kajian yang telah dijalankan ini adalah berpandukan kepada tiga objektif yang mana seperti yang telah dinyatakan iaitu mengetahui nilai warisan terhadap Muzium Sultan Abu Bakar, mengukur persepsi pengunjung dalam empat komponen teras destinasi pelancong iaitu elemen tarikan, elemen aktiviti, elemen kemudahan sampaian dan juga elemen kemudahan. Objektif yang

terakhir adalah mengenalpasti elemen warisan sebagai salah satu daya tarikan pelancong untuk datang ke Muzium Sultan Abu Bakar.

Setelah dianalisis oleh pengkaji tentang kajian ini, iaitu sejarah perkembangan Muzium Sultan Abu Bakar Dari Istana Kepada Muzium, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa Muzium Sultan Abu Bakar ini merupakan satu bangunan bersejarah yang mempunyai banyak nilai-nilai warisan yang sangat berharga pada masyarakat mahupun negara. Oleh itu, muzium ini seharusnya dipelihara agar nilai warisanya sentiasa terjaga.

Hasil daripada objektif pertama yang dikaji, pengkaji dapat mengetahui sejarah berkaitan Muzium ini dengan lebih mendalam lagi. Pengkaji juga dapat mengenalpasti setiap perkembangan dan fungsi muzium sejak dari awal pembinaannya yang mana pada asalnya ia merupakan sebuah bangunan yang dibina oleh Sultan Ahmad Shah yang dikenali sebagai Masjid Abdullah kemudian ia diambil alih oleh J.P. Rodger iaitu Residen British yang pertama di Pahang ketika itu pada tahun 1887 sehingga 1976. Muzium ini telah banyak berubah dari segi fungsinya iaitu daripada sebuah istana kemudian dijadikan tempat kediaman Residen British kemudian dijadikan sebagai tempat berkumpul pegawai-pegawai British dan fungsinya juga pernah dijadikan sebagai markas tentera Jepun. Proses untuk menjadikan istana ini menjadi muzium bukanlah satu perkara yang mudah yang mana Kerajaan Negeri Pahang telah menubuhkan sebuah Lembaga pengelola untuk menjalankan urusan bagi penubuhan semula muzium ini yang diberi nama Lembaga Muzium Negeri Pahang. Akhirnya Muzium telah bertukar nama dari Istana Kota Beram kepada Muzium Sultan Abu Bakar.

Berdasarkan kajian ini juga, didapati Muzium ini telah berlaku banyak perubahan dari segi rekabentuknya sejak dari awal pembinaanya sehinggalah kekalnya bangunan yang ada kini. Rekabentuk Muzium ini diinspirasikan dari rekaan bangunan di eropah pada kurun ke-19 yang juga berkonsepkan Neo Klasikal. Ini kerana J.P. Rodger merupakan Residen British pada Ketika itu menjadikan bangunan ini sebagai kediaman beliau semasa menetap di Pekan, Pahang atas untuk urusan-urusan rasmi bersama pegawai-pegawai British. Kebanyakan teknologi yang digunakan untuk membuat semula bangunan ini adalah sistem konkrit bercerucuk. Ini kerana kekuatan sistem konkrit sangat tinggi dan ia juga merupakan salah satu ciri terpenting yang menentukan prestasi dan juga sifat sesuatu struktur konkrit dan juga elemen struktur bangunan.

Seterusnya adalah hasil daripada analisis kajian berdasarkan maklum balas responden berkaitan persepsi pengunjung yang mana pengunjung datang ke berkunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar adalah kerana lebih tertarik pada keunikan senibina Muzium itu. Ini kerana bangunan ini terletak berhadapan dengan jalan utama yang mana setiap yang melintasi jalan itu pasti akan tertarik dengan kemegahan senibinya. Rekabentuk nya yang berasal dari luar negara itu juga tidak kurang hebatnya yang mana ia dapat menunjukkan lagi bahawa bangunan bersejarah ini bukan saja terkenal di Malaysia malah juga terkenal di luar negara. Ini kerana, sehingga kini Muzium Sultan Abu Bakar ini masih mendapat kunjungan daripada luar negara seperti dari Negara Singapore untuk melancong.

Muzium Sultan Abu Bakar ini juga turut mengadakan aktiviti atau persembahan bagi para pengunjung. Antara aktiviti yang sering diadakan

adalah aktiviti kemasyarakatan yang mana pada setiap hari jumaat pihak Muzium akan mengadakan aktiviti bacaan Yassin Bersama penduduk sekitar daerah Pekan dengan menjemput pelajar-peajar pusat tahfiz bagi memeriahkan lagi acara tersebut. Selain itu, pihak muzium juga akan mengadakan persembahan untuk para pengunjung seperti pertunjukkan permainan tradisional iaitu gamelan. Permainan tradisional gamelan akan dimainkan apabila mendapat kunjungan lawatan sekolah ataupun kunjungan dari luar negara. Turut diadakan juga program yang berundurkan pendidikan yang mana pihak Muzium menggiatkan usaha pengumpulan dan penulisan bahan-bahan bersejarah bersama penyelidik yang membuat penyelidikan di Muzium tersebut.

Persepsi pengunjung berkaitan pameran yang dipamerkan di Muzium juga adalah amat memuskan yang mana pameran tersebut turut memberi mereka satu pengetahuan baru berdasarkan maklumat-maklumat yang dipaparkan pada pameran tersebut. Berdasarkan analisis kajian juga kebanyakan pameran banyak memberi inspirasi kepada pengunjung tidak kira dari sejarah nya ataupun pameran itu sendiri dan ini menyebabkan ia antara peratusan yang tinggi persepsi pengunjung untuk berkunjung ke Muzium.

Kemudahan yang disediakan oleh pihak Muzium juga sangat memuaskan para pengunjung yang mana Muzium banyak menyediakan kemudahan untuk pengunjung berehat dan juga kemudahan untuk pengunjung berswafoto di Kawasan Muzium. Selain itu turut menyediakan ruangan cafe untuk memudahkan pengunjung mencari tempat untuk bersantai.

5.3 CADANGAN

Muzium Sultan Abu Bakar merupakan bangunan bersejarah yang seharusnya dijaga nilai-nilai warisanya yang mana ia sangat berharga dan penting untuk menjadi tatapan pada generasi akan datang. Oleh itu pengkaji turut menunsurkan beberapa cadangan agar masyarakat lebih prihatin terhadap bangunan-bangunan bersejarah ini dan turut menjadikan pelancongan ke bangunan bersejarah adalah pelancongan yang utama.

I. Mengaplikasikan nilai-nilai warisan di dalam sistem Pendidikan

Nilai warisan adalah sesuatu yang seharusnya dipelihara agar ia tidak akan dilupakan terutama pada generasi muda zaman kini. Nilai ini seharusnya diterapkan ke dalam sistem Pendidikan sejak di awal bangku sekolah lagi agar ianya sentiasa menjadi satu cabang ilmu. Dengan adanya pendedahan di peringkat awal ini generasi muda akan lebih faham dan menghayati betapa pentingnya nilai-nilai warisan ini dalam diri dan masyarakat.

II. Menganjurkan kempen sosial dan kebudayaan

Pihak Muzium haruslah berperanan bagi menarik lagi minat masyarakat untuk datang berkunjung ke Muzium Sultan Abu Bakar seperti mengadakan hari terbuka Muzium yang mana ia mempunyai pelbagai pameran terbuka. Di dalam pameran tersebut turut mengadakan aktiviti mesra kanak-kanak seperti kuiz sejarah dan sebagainya dan ini juga salah satu inisiatif untuk menerapkan nilai-nilai warisan pada awal usia kanak-kanak.

5.4 PENUTUP

Kesimpulanya, diharap agar penyelidikan ini dapat memberikan pengetahuan dan pendedahan kepada masyarakat betapa pentingnya untuk menerapkan nilai-nilai warisan di dalam kalangan generasi muda terutamanya pada pengetahuan sejarah yang sentiasa menjadi nilai utama yang harus dihayati pada sesebuah bangunan warisan.

Selain itu kajian ini juga dijalankan dengan harapan agar pelancongan warisan ini sentiasa menjadi salah satu pelancongan utama bukan sahaja di dalam negara malah di luar negara juga agar warisan ini sentiasa terpelihara.

RUJUKAN

- Negara, J. W. (2012). *Cadangan Kerja-kerja Konservasi Bangunan Muzium Sultan Abu Bakar, Pekan Pahang*.
- Awang, S. N., Fadzil, K. S., Suzita, W., Ibrahim, W., Zainol, R., & Edo, J. (2017). Indigineous tourism - Satu tinjauan awal penglibatan masyarakat Orang Asli dalam industri pelancongan (Orang Asli (aboriginal) community participation in the tourism industry - A preliminary survey of Belum-Temenggor). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(9), 125–136.
- Samsudin, M. dan S. M. (2013). Pengaruh Warisan Sejarah dalam Industri Pelancongan Langkawi. (*Iman*) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd International Journal of the Malay World and Civilisation (*Iman Iman*) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd Samsudin & Sulong Iman) 1(1), 2013: 99 - 109 Mohd Samsudin & Sulong, 1(1), 99–109.
- Mootar, M. Q. (2019). Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah Di George Town, Pulau Pinang. *Universiti Sains Malaysia*.
- Kakibuatblog_ Definisi bangunan bersejarah. (n.d.).
- Hinchman, M. (2022). Warisan. *The Fairchild Books Dictionary of Interior Design*, 90–101. <https://doi.org/10.5040/9781501365171.4218>
- Jessica, J., & Rosazman, H. (2021). Impak Aktiviti Pelancongan Ke Atas Komuniti Setempat: Tinjauan Literatur. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*, 7(1), 211–224. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jobsts/article/view/3612>
- Modal, P., & Holistik, I. (2010). *Kertas Kerja Ucaptama Seminar Kebangsaan Jejak Warisan Negeri Pahang: Wacana Mengingati Sejarah Ke Arah Kecemerlangan Masa Depan , Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang pada 24hb September 2010. 1. September, 1–8*.
- Siti Nurlizaiha, H. (2019). *Pembangunan Pelancongan Warisan Melalui Pemuliharaan Dan Persembahan Interpretasi*. 1–10.
- Mohammadi, K., Movahhedy, M. R., Khodaygan, S., Gutiérrez, T. J., Wang, K., Xi, J., Trojanowska, A., Nogalska, A., Garcia, R., Marta, V., Engineering, C., Catalans, A. P., Capsulae.com, Pakdel, Z., Abbott, L. A., Jaworek, A., Poncelet, D., Peccato, L. O. D. E. L., Sverdlov Arzi, R., & Sosnik, A. (2017). REPRESENTASI IMEJ PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DIRAJA DI BANDAR KUALA KANGSAR, PERAK DARI PERSPEKTIF PENGURUSAN LESTARI PELANCONGAN. *Advanced Drug Delivery Reviews*, 135(January 2006), 989–1011. <https://doi.org/10.1016/j.addr.2018.07.012><http://www.capsulae.com/media/Microencapsulation-Capsulae.pdf><https://doi.org/10.1016/j.jaerosci.2019.05.001>

- Ahmad, H. (2013). Pemerkasaan asset semula jadi untuk kelestarian pelancongan di Negeri Pahang. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 9(3), 80–94.
- Ahmad Farid Abd Jalal, D. (1986). MUZIUM DAN KEDAULATAN INSTITUSI BERAJA DI MALAYSIA Ahmad Farid Abd Jalal,. November, 1–15.
- Ah Choy Er; Nurul Fadilah Mohd Nawi. (2021). Tarikan Pelancongan Berasaskan Warisan Di Kuala Lumpur. *E-BANGI: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 18(SI)(2), 243–261.
- Nik Hanapi, N. S. A., & Tugang, N. (2021). Transformasi Bangunan Warisan Bersejarah: Suatu Tinjauan Menyeluruh. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 228–235.
- Nasaruddin, M. A. H. (2022). *kajian tentang bangunan bersejarah Residen British sebagai Muzium Sultan Abu Bakar, Pahang*.
- Ahmed, N. F. (n.d.). *kepentingan pemuliharaan koleksi di muzium sultan abu bakar dalam kalangan generasi muda*.
- Negara, T., Christ, G., Cornwallis, K., & Kling, M. (1997). *Kepentingan memelihara warisan negara*. 1–6.
- WARISAN, B. (n.d.). *SEJARAH BANGUNAN MUZIUM SULTAN ABU BAKAR*.
- Mahadi, M. A. (2016). *Persepsi_Pengunjung_Terhadap_Johor_Lama*.
- NUR AMIRA BINTI ISMAIL. (n.d.). *KOTA KUALA KEDAH SEBAGAI PRODUK PELANCONGAN WARISAN*.
- Ahmad, N. H. B. (2557). Pengenalan Kepada Dunia Permuziuman. *Akademik*, 4(1), 88–100.
- Ibrahim, J. A., & Ahmad, M. Z. (2014). Pelancongan Warisan dan Penerapan Konsep Pelancongan Lestari dalam Pemuliharaan " Khazanah " Negara: Satu Diskusi. *Institut Pemikiran Tun Dr. Mahathir Mohamad*, 1–14.
- Binti, F., & Abd, H. (2005). *Produk Ekopelancongan Negeri Pahang*. 76–87.
- Kejuruteraan, F., Dan, A., & Sekitar, A. (2014). *MODEL RANGKA KERJA PEMULIHARAAN STRUKTUR FABRIK BAGI BANGUNAN BERSEJARAH SITI NOR FATIMAH BINTI ZURAIDI Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Kejuruteraan Awam CORE View metadata, citation and similar papers at core.a*.
- Ibrahim, W. S. W., Ahmad, H., Jusoh, H., Fuad, M., & Jali, M. (2016). Pergerakan pelancong dan kesannya terhadap destinasi pelancongan wilayah (Tourists' movement and impacts on regional tourism destination). *Pergerakan Pelancong Dan Kesannya Terhadap Destinasi Pelancongan Wilayah (Tourists' Movement and Impacts on Regional Tourism Destination)*, 12(11), 169–186.

- Mohamed, S. N., & Che Rose, R. A. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1), 102–115.
- Ramli, Z., Mokhtar, M., Razman, M. R., & Zakaria, S. Z. S. (2015). Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke 8 Ekologi, Habitat Manusia Dan Perubahan Persekitaran 2015, October 2016*, 19–21.
- Mohamad Zaki Ahmad, Johan Afendi Ibrahim, & Hood Mohd Salleh. (2008). Membangunkan Kuala Kedah sebagai Destinasi Pelancongan Warisan : Penerapan Konsep Pembangunan Pelancongan Lestari. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III (PERKEM III), Daya Tahan Ekonomi Negara: Dasar Dan Strategi Pengukuhan*, 1, 401–413.
- Jamaluddin, J. (2009). Pembangunan Pelancongan dan Impaknya terhadap Persekitaran Fizikal Pinggir Pantai Pelancongan bukanlah sesuatu yang baru . Sejak dulu lagi sektor negara. Dalam era globalisasi kini , banyak negara dunia berlumba-lumba pelancongan . Dalam rangka membangun. *Malaysian Journal of Environmental Management*, 10(2), 71–88.